



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Bina Puri bina kondominium RM25.32 juta di Thailand

UTUSAN MALAYSIA
September 18, 2007

KUALA LUMPUR 17 Sept. – Bina Puri Holding Bhd. (Bina Puri) melalui anak syarikatnya Bangkok-Bina Puri (Thailand) Ltd. berjaya mendapat kontrak bernilai RM25.32 juta untuk melaksanakan projek pembinaan tiga blok kondominium lapan tingkat di Thailand.

Bina Puri dalam kenyataannya hari ini berkata, projek itu bakal dikendalikan bersama Arreya Property Plc itu akan melaksanakan kerja-kerja tanah, pengerudian, struktur mekanikal, kerja-kerja elektrik dan pembekalan bahan dan peralatan.

Menurut Bina Puri, kontrak itu merupakan kejayaan syarikat hartanah tempatan dalam membina hubungan dengan pelanggan di Thailand.

Ia juga dianggap sebagai pengiktirafan kepada Bina Puri dan reputasinya sebagai syarikat pembinaan Malaysia yang stabil dan boleh dipercayai.

Bina Puri terlibat dalam kerja-kerja pembinaan di Thailand sejak 2003 dan telah membina 35,005 unit kediaman kos rendah di 10 lokasi pinggir bandar iaitu Bangplee, Romkiao, Bang Pu, Krasaebon, Rama II, Tha Jean, Na Dee, Nong Joak, daerah Suang Lung dan Hatai Rai. Bina Puri juga beroperasi di Vietnam, Thailand, Libya, Emiriyah Arab Bersatu, Indonesia dan Pakistan.

Dengan projek terbaru itu, jumlah kontrak yang dimiliki Bina Puri di Thailand bernilai RM1.49 bilion dan jumlah keseluruhan kontrak bagi kumpulan itu pula adalah RM2.57 bilion.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my